

04 JUN 1996

Lead Mahathir - Everest

PERDANA MENTERI CABAR RAKYAT MALAYSIA BERJALAN KAKI DI KUTUB SELATAN

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan projek Malaysia Everest 97 bagi menawan puncak Gunung Everest dan mencabar rakyat Malaysia berjalan kaki di Kutub Selatan pula.

"Kita ingin melihat rakyat kita pergi ke South Pole (Kutub Selatan) untuk berjalan kaki sepanjang mungkin sehingga sampai ke Kutub, dengan itu maka kita akan sampai ke tempat-tempat yang terkenal di dunia.

"Gunung yang tertinggi sekali dan tempat yang tersejuk sekali dalam dunia, apabila kita sudah berjaya, maka dewasalah bangsa kita, bolehlah kita berbangga dan boleh berdiri dan duduk sama rendah dengan semua bangsa di dunia tanpa terlalu angkuh dan sombong, hanya berbangga bahawa diri sendiri tidak lagi hina dan di pandang rendah oleh sesiapa," katanya.

Beliau yang melancarkan Projek Malaysia-Everest '97 di Dataran Merdeka di sini mahu rakyat negara ini mempunyai bercita-cita besar dalam segala bidang kehidupan dan sanggup menghadapi cabaran untuk mencapai kejayaan.

"Bangsa yang sanggup memperjuangkan sesuatu sehingga mencapai kejayaan akan menjadi bangsa yang maju, bangsa yang bahagia, bangsa yang dihormati di dunia.

Tidak ada manusia dalam dunia ini yang suka dirinya dihina oleh orang lain, kita daripada satu bangsa yang selama 400 tahun dijajah ingin menghilangkan bekas penjajahan daripada hati sanubari kita," katanya.

Seramai 20 pendaki dari Persatuan Mendaki Malaysia akan mendaki gunung itu pada Mei tahun depan dan daripada jumlah itu 12 termasuk dua jurukamera RTM akan mendaki bahagian akhir gunung itu manakala selebihnya akan bertindak sebagai pasukan sokongan.

Dr Mahathir mahu sambutan yang tidak kurang daripada yang diberi kepada ekspedisi mendaki Gunung Everest diberi kepada cabaran untuk ke Kutub Selatan.

Katanya, beliau bersama rakyat negara ini berdoa pasukan pendaki negara akan berjaya sampai ke puncak Gunung Everest setinggi 8,848m itu dan mengibarkan bendera Malaysia dengan bangga.

"Walaupun kita harap mendapat kejayaan, segala-galanya akan ditentukan oleh Allah S.W.T. walaupun kita tidak berjaya, semangat kita tidak harus luntur sebaliknya kita harus cuba sekali lagi dan lagi sehingga kita berjaya, inilah bangsa yang boleh mencapai kemajuan," katanya.

Perdana Menteri berbangga dengan keberanian pasukan pendaki negara yang berani menyambut cabaran mendaki Gunung Everest itu tetapi mengingatkan mereka supaya bersedia menghadapi bahaya dalam usaha itu.

Orang yang berani dan sanggup menghadapi sesuatu secara membuta tuli sebenarnya bukan merupakan orang berani tetapi orang hilang akal. Orang yang sebenarnya berani ialah mereka yang tahu segala bahaya yang akan dihadapi dan mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan bahaya itu, tambahannya.

Dr Mahathir mengingatkan anggota pasukan pendaki negara supaya tidak lupa daratan apabila mencapai kejayaan, sebaliknya harus rendah diri dan sentiasa sedar bahawa mereka berjuang untuk bangsa dan negara.

Perdana Menteri kemudian menyerahkan bendera Malaysia kepada Presiden Persatuan Mendaki Malaysia Encik Noor Ramlle Sulaiman dan diperkenalkan kepada 28 anggota ekspedisi mendaki Gunung Everest itu.

Dua puluh daripada 28 anggota itu ialah pendaki manakala selebihnya ialah anggota jawatankuasa termasuk jurukamera RTM.

Jika percubaan itu berjaya, Malaysia akan menjadi negara pertama dari Asia Tenggara yang menawan Gunung Everest.

Projek yang dianggar menelan belanja RM4.5 juta itu adalah ilham Dr Mahathir yang pernah berkata: "Kita mesti mempunyai keyakinan untuk menjadikan impian kita kenyataan, ini termasuk mendaki Gunung Everest, belayar melintasi Pasifik, menjelajah Artik dan Antartika."

Ia dianjurkan bersama oleh Kementerian Belia dan Sukan, Persatuan Mendaki Malaysia dan Yayasan Sukan dan Kebudayaan Malaysia.

Kementerian Belia dan Sukan menyediakan RM300,000 sebagai bayaran permit kepada kerajaan Nepal bagi mendaki Gunung Everest. Pihak swasta dan awam serta individu diminta menyumbang untuk menampung baki perbelanjaan bagi pendakian itu.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapannya berkata, persediaan bagi menjayakan projek itu termasuk latihan pendakian dimulakan tahun lepas di beberapa lokasi di luar negara.

Sehingga kini, pendaki negara telah berjaya menawan kemuncak Gunung Aspiring di New Zealand (9,993 kaki), Gunung Lada di Bakartash, India (15,050 kaki) dan telah sampai sehingga ketinggian 20,000 kaki dalam ekspedisi mendaki Gunung Pumori di Nepal.

Pada September depan pasukan itu akan mendaki Gunung Cho Oyu (26,674 kaki) dan Gunung Kamet (24,397 kaki) di Himalaya, tambahnya.

Sir Edmund Hillary dan pemandu arahnya Sherpa Tenzing Norgay adalah manusia pertama yang berjaya sampai ke puncak Gunung Everest pada 29 Mei 1953. -- BERNAMA

AFY FAZ